

Topik 3

**Etika dan Peradaban
Dalam Masyarakat
Kepelbagaian**




Abstrak/Sinopsis

Fenomena migrasi dan kepelbagaian, atau *diversity*, tidak dapat dipisahkan dalam mengupas etika dan peradaban dalam masyarakat kepelbagaian. Sebelum kedatangan Eropah ke Asia, pada era pra-kolonial (PrK), telah wujud putaran migrasi di wilayah Alam Melayu yang telah menemukan peradaban India, Cina, Timur Tengah dan Alam Melayu masing-masing dengan sistem etikanya, melalui Selat Melaka.

Kepelbagaian ini menjadi lebih kental dan kompleks dengan kedatangan manusia Eropah (era kolonial), melalui perdagangan dan penjajahan, yang membawa peradaban dan sistem etika serta nilai Eropah. Tindan lapis setiap unsur etika dan peradaban yang pelbagai ini, Timur dan Barat, akhirnya tersulam melalui asimilasi, akomodasi, akulturasi dan amalgamasi, yang berlaku daripada paras rakyat jelata sehingga ke mercu pemerintahan kesultanan. Melalui migrasi buruh paksaan wujudlah masyarakat majmuk semasa penjajahan.

Pada era pasca-kolonial (PcK) yang berlanjutan ke era globalisasi, sifat kepelbagaian di Alam Melayu amnya, dan Malaysia khususnya, menjadi semakin pekat dan ligat apatah lagi setelah platform digital terasas membentuk kepelbagaian yang sungguh kompleks, yang dipanggil sebagai *superdiversity*. Dalam setiap era **PrK-Kol-PcK** ini wajah, idea dan amalan etika berevolusi bersama penyesuaian pada peradaban-peradaban yang terlibat.



Hasil Pembelajaran Dan Objektif

1. Menjelaskan proses pembentukan etika dan peradaban dalam masyarakat kepelbagaian.
2. Menganalisis impak etika dan peradaban dalam masyarakat kepelbagaian.

Kandungan Kursus Bab 3

1. Pembentukan Etika dan Peradaban dalam Masyarakat Berbagai
2. Komponen Etika dan Peradaban:
 - a) **Persekitaran Geo-Fisikal**
(Laut-Daratan-Gunung Ganang)
 - b) **Masyarakat dan Demografi**
(Tani-Pedagang-Industri)
 - c) **Ekonomi dan Pasaran**
(Sara Diri-Tukar Barang-Perdagangan)
 - d) **Falsafah dan Pemikiran**
(Tradisional-Modeniti)
3. Selat Melaka Sebagai Gelanggang Kepelbagaian
4. Warisan dan Pendigitalan Sejagat



Pengenalan

- Istilah ‘peradaban’ yang berasal daripada Bahasa Arab digunakan bagi menjelaskan tentang maksud ketamadunan.
- Sebelum kedatangan Islam, perkataan yang digunakan untuk membawa maksud peradaban adalah budaya yang bertunjangkan kepada keluhuran nilai dan kehalusan budi pekerti.
- Istilah Melayu yang biasa digunakan untuk menjelaskan tentang peningkatan hidup masyarakat ini adalah kemajuan atau pembangunan. Tetapi istilah tersebut tidaklah begitu meluas berbanding tamadun.
- Selepas kedatangan Islam, istilah-istilah Arab mula digunakan dan diterimapakai dalam istilah Bahasa Melayu.



Maksud Etika dan Peradaban

- **Etika:** prinsip moral atau nilai-nilai akhlak (adat sopan santun dsb) yang menjadi pegangan seseorang individu atau sesuatu kumpulan manusia.
- **Peradaban:** Sistem dan tahap perkembangan sosial sesuatu bangsa; kemajuan sosial dan kebudayaan sesuatu bangsa.




Pembentukan Etika dan Peradaban dalam Masyarakat Kepelbagaian



I. Persekitaran Geo-fisikal

- Lazimnya sesuatu etnik mempunyai pertalian sejarah, tradisi dan budaya dengan persekitaran kawasan geografi tertentu.
- Geo-fisikal Tanah Melayu sebuah semenanjung yang di kelilingi Laut China Selatan dan Selat Melaka sebagai laluan tempat pertemuan dan pergaulan dua peradaban besar dunia, China dan India, melalui kegiatan perdagangan.
- Sumber dan produk pertanian dari Alam Melayu menjadi asas dagangan dengan peradaban lain.
- Peradaban Malaysia adalah penyulaman peradaban majmuk dunia melalui difusi budaya.



www.thestar.com.my



www.snopes.com

2. Masyarakat dan Demografi

- Masyarakat bermaksud sekelompok orang yang membentuk sebuah sistem interaksi sosial di mana sebahagian besar interaksi yang berlaku dalam lingkungan sistem sosial itu adalah lahir daripada individu-individu yang berada dalam kelompok tersebut.
- Ciri-ciri masyarakat : berkelompok, berbudaya, mengalami perubahan, berinteraksi, mempunyai kepimpinan dan mempunyai aturan sosialnya (susun lapis, kelas, status dan kasta)
- **Koentjaraningrat, 1970** – Suatu kelompok manusia yang hidup dan bekerjasama hingga mereka dapat mengorientasikan dirinya dan berfikir mengenai dirinya sebagai kesatuan sosial yang mempunyai batas-batas tertentu.



Definisi masyarakat dalam konteks Malaysia

- Masyarakat plural adalah terdiri daripada pelbagai bangsa yang membentuk satu kependudukan dari hidup sebagai komuniti-komuniti yang berasingan dan di Tanah Melayu terdapat tiga etnik utama iaitu Melayu, Cina dan India di Semenanjung, Bumiputera Sabah seperti Kadazan-Dusun, Bajau dan lain-lain serta Bumiputera Sarawak seperti Iban, Melanau dan sebagainya yang bukan sahaja terpisah kerana adat, makanan dan pakaian tetapi juga daripada segi pekerjaan dan tempat tinggal.
- Kewujudan masyarakat plural adalah sejajar dengan penjajah yang datang ke Tanah Melayu pada masa dulu dengan membawa masuk semua kaum tersebut untuk memenuhi peluang pekerjaan di Tanah Melayu.
- **J.S. Furnivall** - Masyarakat plural adalah bercampur antara satu sama lain tetapi tidak bersatu. Mereka hidup berdekatan tetapi tidak terpisah dengan sistem politik yang sama serta masing-masing berpegang kepada kebudayaan, agama, bahasa dan pemikiran sendiri.



Garis Masa Pembentukan Masyarakat Malaysia

**Kesultanan
Melayu
Melaka**
1402-1511

**Penjajahan
Belanda**
1641-1824

**Pendudukan
Jepun**
1941-1945

**Pembentukan
Malaysia**
1963-

Peradaban majmuk

Masyarakat majmuk

Kepelbagai

**Penjajaha
n Portugis**
1509-1641

**Penjajaha
n British**
1826-1941
1946-1948

Kemerdekaan
1957

Dari Kemajmukan ke Kepelbagaian

- Istilah masyarakat majmuk digunakan untuk merujuk kepada masyarakat pelbagai etnik di Tanah Melayu selepas kehadiran penjajah yang membawa masuk pendatang dari China dan India untuk kepentingan ekonomi.

Budaya Majmuk
di Tanah Melayu merupakan hasil pertemuan dan pertembungan budaya besar dunia yang melahirkan fenomena sosial di Alam Melayu.

Peradaban Majmuk
bercirikan semula jadi,
tanpa paksaan dan
fleksibel.

Masyarakat Majmuk
bercirikan pemaksaan dan
perbezaan

Konsep Memahami Proses Hubungan Etnik

SEGREGASI

AKOMODASI

- Pemisahan atau pengasingan antara etnik dengan etnik yang lain
- Berlaku dalam bentuk pemisahan tempat tinggal, sistem pendidikan, pengangkutan dan kemudahan awam

- Penerimaan terhadap norma dan nilai etnik lain tanpa menggugat budaya masing-masing.
- Bebas mengamalkan budaya masing-masing.
- Menyedari & menghormati budaya etnik lain & mempertahankan budaya hidup masing-masing.

ASIMILASI

AMALGAMASI

- Merupakan proses integrasi sehala yang akan menghasilkan satu kelompok masyarakat yang mempunyai satu budaya, satu bahasa dan satu agama.

I) Asimilasi Budaya:

- Kelompok minoriti akan mempelajari budaya kelompok majoriti.

2) Asimilasi Struktur:

- kelompok minoriti berjaya menyertai institusi utama dan aktiviti sosial dalam masyarakat majoriti.

- Tahap asimilasi yang paling tinggi
- Merupakan proses percantuman melalui biologi (perkahwinan campur).

•SEGMENTED ASIMILASI

- Di Malaysia dasar pembinaan negara bangsa terbina berdasar integrasi. Oleh kerana identity setiap etnik disubur dan dikekalkan, dari empat proses di atas segmented asimilasi kerap berlaku. Mereka mempertahankan ciri-ciri keetnikan, walapun menerima budaya tempatan dan sejagat

Skema Proses Hubungan Etnik di Malaysia

Tahap Putaran	Dimensi Nilai	Bentuk Hubungan Sosial	Hasil	Kesepadunsosial
Disfungsional Sosial	Keruntuhan Disintegration	Risiko Rusuhan Kebangsaan	Konflik	Sangat Tidak Baik
Plural Kemajmukan Segregasi	Memperakui	Ketegangan Pergaduhan Terpisah asing Penyatupaduan	Pertembungan	Sederhana Tidak Baik
Akomodasi	Hormat	Topok Panas Pautan	Kontestasi	Rendah Tidak Baik
Akulturasi	Penerimaan	Pautan Sosial	Tolak ansur	Rendah Baik
Asimilasi Segmented	Perkongsian Nilai Bersama	Ikatan sosial	Penempuan	Sederhana Baik
Amalgamasi	Meraikan Bersatu Dalam Kepelbagai Integrasи	Keterikatan Bonding	Konsensus	Sangat Baik

3. Ekonomi dan Pasaran

- Pada **era pra-kolonial**, masyarakat Melayu mengamalkan kegiatan ekonomi sara diri iaitu kegiatan ekonomi masyarakat yang paling asas dan hanya cukup untuk menampung keperluan diri dan keluarga.
- Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, kegiatan perdagangan menjadi kegiatan terpenting dalam masyarakat disebabkan keadaan kehidupan yang masih mundur dan tradisional.
- Pada **era kolonial**, British dilihat terus menguasai kegiatan ekonomi negeri-negeri di Tanah Melayu dengan pembukaan lombong bijih timah dan ladang getah serta kemasukan tenaga buruh secara besar-besaran dari China dan India.
- Pada **era pasca kolonial**, kerajaan telah menjalankan strategi penyusunan semula masyarakat untuk menyelesaikan kedudukan yang tidak seimbang dari segi penguasaan ekonomi dalam kalangan kaum dan menggalakkan kemajuan ekonomi semua golongan masyarakat agar jurang perbezaan antara masyarakat dapat dihapuskan.



Dasar Ekonomi Baru (DEB)

- DEB telah diperkenalkan oleh Tun Abdul Razak pada tahun 1970 hingga 1990.
- DEB berpegang kepada prinsip bahawa ketidakseimbangan ekonomi perlu diperbaiki untuk mengelakkan ketegangan dan konflik antara etnik dan seterusnya mengukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia.
- Objektif DEB ialah:
 1. Pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum
 2. Penyusunan semula masyarakat tanpa mengikut fungsi ekonomi



Sasaran dan Objektif DEB

i. Kadar kemiskinan:

Kemiskinan	1970 (dalam %)	Sasaran pada 1990 (dalam %)
Keseluruhan	49.3	16.7
Luar bandar	58.7	23
Bandar	21.3	9.1

(Sumber: Malaysia (1991)-Semenanjung Malaysia)

ii. Pemilikan ekuiti korporat:

Pemilikan	1970 (dalam %)	Sasaran pada 1990 (dalam %)
Bumiputera	2.4	30
Bukan Bumiputera	34.3	40
Pemodal asing	63.3	30

(Sumber: Malaysia (1991)-Semenanjung Malaysia sahaja)



4. Falsafah dan Pemikiran

Falsafah dan Pemikiran Tradisional:

- Perspektif ini berpandangan matlamat telah pun ditentukan dan ditetapkan, manakala manusia hanya diberi ruang untuk memilih cara bagaimana untuk mengecapi matlamat tersebut.

Ibn Khaldun berpendapat ilmu perlu diintegrasikan ilmu agama dan ilmu alat.

- Menuntut ilmu agama, logik, falsafah, matematik dan bahasa Arab.
- Ketokohnanya diakui oleh sarjana Barat :
 1. Arnold Toynbee : - *falsafah sejarah yang dihasilkan Ibn Khaldun merupakan sumbar terbesar pernah dilahirkan manusia di atas muka bumi ini.*
 2. R. Flint :- *ibn Khaldun merupakan ahli falsafah Islam yang tiada taranya.*
 3. G. Sarton:- *Ibn Khaldun merupakan ahli sejarah dan falsafah agung bukan sahaja pada kurun-kurun pertengahan, malah sepanjang zaman.*



Falsafah dan Pemikiran Modern:

- Perspektif ini berpandangan manusia berhak menentukan matlamat hidupnya dan berhak memilih cara bagaimana untuk mengecapi matlamat tersebut.

Selat Melaka Sebagai Gelanggang Kepelbagaian

- Proses interaksi kepelbagaian peradaban dan etnik bermula di Selat Melaka dengan proses pembudayaan yang mengintegrasikan masyarakat berbilang ras atau etnik melalui aktiviti perdagangan dan perkahwinan.
- Melalui proses interaksi antara budaya, maka terbentuk interaksi peringkat tamadun.

I. INTERAKSI DALAM LINGKUNGAN BUDAYA YANG SAMA

hubungan satu budaya dalam sesuatu kaum

Orang India seperti Malayalam, Punjabi dan sebagainya.

Mempamerkan kepelbagaian budaya dan adat resam keturunan.

Golongan masyarakat Hindu di India Utara menerima unsur-unsur keislaman dalam budaya berpakaian, pemakanan dan seni bina

Masyarakat Muslim di India pula menerima unsur-unsur tertentu termasuk seni bina, muzik, pemakanan dan gaya hidup masyarakat Hindu.

Kesultanan Melayu Melaka – Lambang Pertemuan Masyarakat Pelbagai Etnik

- Melaka di gelar *The Venice of the East* yang menjadi tempat pertemuan pedagang seluruh dunia seperti dari Arab, Parsi, China, India dan sebagainya.
- Pelbagai aspek menyumbang kepada zaman keagungan Melaka.

Aspek	Keterangan
Pemerintahan	Perlembagaan Melaka berdasarkan ajaran Islam. Hukum Kanun Melaka & Undang-undang Laut Melaka; pemerintahan secara diplomasi dan terbuka; mementingkan keharmonian kaum, buktinya pegawai istana meliputi etnik Melayu dan India; amalan perkahwinan campur seperti perkahwinan puteri Hang Li Po dengan Sultan Mansur Shah.
Perdagangan	Undang-undang Laut Melaka digunakan untuk tujuan menjaga keselamatan laut Melaka dari ancaman perompak dan lanun; dan pemerintahan terbuka dan pentadbiran sistem pelabuhan yang cekap oleh Laksamana Melaka.
Kependudukan	Zaman Pluraliti akibat penghijrahan pedagang dari Arab, India, China dan negara lain tanpa memerlukan pasport atau visa sebagai pengenalan diri untuk memasuki sesuatu kawasan, di samping bebas berdagang dan berinteraksi menyebabkan berlakunya proses asimilasi dan amalgamasi. Wujud masyarakat baru – Baba & Nyonya, Melayu Arab & Melayu India.
Kepelbagaian Budaya	Melaka sebagai kota metropolitan dan kota multibudaya. Pluralisme budaya hasil daripada interaksi pelbagai budaya seperti Arab pra-Islam, Hinduisme, Buddhisme, Arab Islam dan Eropah [Portugis, Sepanyol, Belanda dan British] dengan budaya alam Melayu sejak abad 5 Masihi.

Pembentukan Masyarakat Majmuk Era Kolonialisme Inggeris

- Kedatangan British ke alam Melayu berlandaskan serampang tiga mata: keagamaan, kekayaan & kemegahan
- Pemisahan antara agama dan sains berlaku di Eropah (abad ke 15M) yang dinamakan *Rocks of Ages: Sciences and Religion in the Fullness of Life* oleh Stephen Jay Gould (2002).
- Agama dianggap sebagai penyumbang perselisihan pendapat dalam kalangan manusia, pergaduhan dan perpeperangan.
- Sains pula dianggap sebagai bersifat sarwajagat menyatukan manusia dengan kefahaman yang sama, dan hidup aman damai.
- Dasar pemisahan agama dengan negara diteruskan oleh British di Tanah Melayu dengan British menguasai pentadbiran negara
- Sultan menjaga hal ehwal agama Islam dan adat istiadat Melayu, dan pengenalan sistem pentadbiran berdasarkan pengagihan kuasa antara Kehakiman, Eksekutif dan Perundangan.
- Pertembungan antara "Islam sebagai agama dan para pengikutnya" dengan "negara kolonial sekular" [terutama dalam konteks pemodenan barat]



pekhabar.com

Warisan dan Pendigitalan Sejagat

- Teknologi maklumat dan media digital yang dikuasai oleh Barat adalah satu cabaran besar kepada seluruh peradaban manusia dalam mempengaruhi nilai dan etika masyarakat kepelbagaian.
- Aspek media samada media elektronik atau media cetak memainkan peranan penting, secara langsung atau tidak langsung, dalam proses membina kesepaduan antara etnik melalui peresapan ke dalam amalan dan gaya hidup masyarakat Malaysia.
- Budaya Barat telah mempengaruhi perkembangan teknologi dan komunikasi dan menyerap masuk dalam kehidupan peradaban bukan Barat melalui bentuk penjajahan pemikiran dan budaya.
- Impak media digital ke atas etika dan peradaban dapat dilihat melalui peningkatan jaringan komunikasi, mendekatkan manusia dari seluruh dunia, meningkatkan taraf hidup dan membuka ruang kepada perkongsian ilmu tanpa sempadan.



Penutup

- Peradaban secara umumnya adalah sejumlah **pencapaian dan pembangunan** dalam segala perlakuan, pemikiran dan kemajuan tinggi, baik, halus dan sopan ke arah pembentukan peribadi dan komuniti yang memiliki personaliti, tatasusila dan budi pekerti yang terpuji untuk membentuk **sebuah masyarakat atau negara bangsa**.
- Ilmu tentang etika dan peradaban hari ini adalah penting kerana boleh membantu ke arah pembinaan dan kejayaan sesuatu masyarakat.
- Pengajaran daripada kitaran sejarah masyarakat patut dijadikan iktibar agar generasi muda tidak leka dengan keamanan dan kemewahan yang dikecapi.
- Mengetahui persoalan-persoalan dasar berkaitan etika dan peradaban juga membuka ruang kepada seluruh manusia untuk berinteraksi secara positif ke arah kehidupan yang lebih saksama.
- Pendedahan terhadap mengenali latar belakang etika dan peradaban masing-masing pula boleh memupuk rasa persefahaman antara satu sama lain.

RUJUKAN

- Abdul Latiff Abu Bakar.2012. *Jati Diri dan Patriotisme Teras Peradaban Malaysia*. Siri Penyelidikan dan Penerbitan Institut Peradaban Melayu UPSI. Bangungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia.
- Muhammad Yusoff Hashim. 1989. *Kesultanan Melayu Melaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. m/s 1-20.
- Najjah Najwa Abd Razak & Wan Norhasniah Haji Wan Husin. 2011. Hubungan Sosial antara komuniti Melayu dengan komuniti bukan Melayu mengikut perspektif peradaban: Satu pengenalan. *Jurnal Pengajian Melayu* 22:205- 233.
- Senu Abdul Rahman. 2002. *Revolusi Mental*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. m/s 1-3.
- Wan Norhasniah Wan Husin. 2012. *Peradaban dan Perkauman di Malaysia: Hubungan Etnik Melayu-Cina*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Winstedt, R.O. 1961. *The Malays: A Cultural History*. London: Routledge & Kegan Paul. m/s 2-6.



JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MODUL DAN VIDEO MODUL PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN INSTITUT KAJIAN ETNIK (KITA-UKM)

Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin
(KITA-UKM)

Prof. Dr. Mansor Mohd Noor (KITA-UKM)
Prof. Madya Dr. Fazilah Idris (PUSAT CITRA-UKM)
Prof. Madya Dr. Nazri Muslim (PUSAT CITRA-UKM)
Prof. Madya Dr. Mohd Sobhi Ishak (SMMTC-UUM)
Prof. Madya Dr. Dr. Shamrahayu Ab Aziz (UIAM)
Prof. Madya Dr. Mohd Mahadee Ismail (UPM)
Dr. Hairol Anuar Mak Din (KUIS)
Dr. Nur Azlili Hasan (UTAR)
Ahmad Zul Hakimi Hassim (KITA-UKM)